

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

## Kes sporadik kekal tinggi, kluster bertambah

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kes sporadik COVID-19 di negara ini kekal tinggi, manakala bilangan kluster jangkitan virus berkenaan pula semakin bertambah setiap hari, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, Lembah Klang iaitu antara lokasi yang memiliki populasi tinggi, terdedah kepada risiko bahaya kewujudan banyak kes sporadik dalam komuniti yang kebanyakannya membabitkan individu tidak bergejala.

“Sukar bagi kita untuk mengetahui siapa yang mempunyai COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Tambahan, penularan VOC (varian membimbangkan) tempatan juga semakin meningkat.

“Oleh itu sangat penting semua pihak mengambil maklum perkara ini dan melindungi diri serta keluarga masing-masing daripada bahaya COVID-19,” katanya dalam Facebook sambil menasihatkan masyarakat terus konsisten mematuhi sepenuhnya prosedur operasi standard (SOP).

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

## 11 kematian BID direkod semalam

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 11 daripada 77 kes kematian yang dilaporkan semalam melibatkan kes meninggal dunia di luar hospital atau kes *brought-in-dead* (BID) direkodkan di Kuala Lumpur, Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Sabah dan Labuan.

Kesemua kes BID tersebut melibatkan lapan lelaki dan tiga wanita berusia antara 42 hingga 81 tahun dengan empat daripada kes tersebut tidak dinyatakan latar belakang penyakit.

Dalam masa sama, kes harian negara kekal merekodkan angka bawah 5,000 untuk dua hari berturut-turut dengan 4,743 kes semalam dan kes sembuh pula masih mengatasi dengan 5,557 kes dilaporkan.

Pesakit yang dirawat dan diasingkan juga berkurangan kepada 62,027 kes dengan 875 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan 445 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian semalam, Selangor merekodkan sebanyak 1,566 kes, diikuti oleh Kuala Lumpur (635 kes) dan Negeri Sembilan (585 kes).

"Seterusnya Sarawak (507 kes), Johor (239 kes), Pulau

### COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	4,743
Import:	2
Tempatan:	4,741
Pulih	5,557
Kematian	77
Masih dirawat	62,027
Jumlah kes sembuh	639,181
Jumlah Kematian	4,554
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>705,762</b>

Pinang (195 kes), Sabah (193 kes), Melaka (167 kes), Kelantan (165 kes), Kedah (142 kes), Pahang (131 kes) dan Labuan (104 kes).

"Perak (68 kes), Terengganu (37 kes), Putrajaya (tujuh kes), manakala Perlis pula dua kes," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata, terdapat 21 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 13 kluster tempat

kerja, lima kluster komuniti serta masing-masing satu kluster pendidikan tinggi, pusat tahanan dan kumpulan berisiko tinggi.

"Kluster tersebut ialah Kluster Jalan Persiaran Enam (14 kes), Kluster Industri SS Lapan Sungai Way (97 kes), Kluster Tapak Bina Laluan Klang (24 kes), Kluster Jalan Permata 22 (14 kes), Kluster Industri Kampung Bukit Angkat (28 kes) dan Kluster Jalan Kebun Baru (10 kes).

"Selain itu, Kluster Taman Pusat Kepong (22 kes), Kluster Jalan Kepong Usaha (29 kes), Kluster Jalan Tasik Selatan (15 kes), Kluster Jalan Sri Hartamas (21 kes), Kluster Industri Jalan Teknologi Lima Nilai (30 kes) dan Kluster Industri Jalan Senawang Empat (13 kes)," ujarnya.

Dr. Noor Hisham berkata, kluster lain ialah Kluster Jalan Maju Lima (35 kes), Kluster Kampung Bukit Tanah (11 kes), Kluster Kampung Kubang Hakim (10 kes), Kluster Kampung Pulau Tukang Dollah (41 kes), Kluster Lunyim (21 kes) dan Kluster Sungai Long Seripa (40 kes).

"Selebihnya ialah Kluster Dah Perdana Tinggi (15 kes), Kluster Tembok Ulu Teris (16 kes) dan Kluster Jalan Laksamana Cheng Ho (26 kes)," jelasnya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

## Penularan COVID-19

# Semua negeri catat pertambahan kes

**77 kematian, 21 kluster baharu babitkan 13 di tempat kerja**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sejumlah 4,743 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 705,762 kes, dengan semua negeri mencatat pertambahan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor kekal merekodkan kes tertinggi iaitu 1,566 kes, diikuti Kuala Lumpur (635), Negeri Sembilan (585), Sarawak (507), Johor (239), Pulau Pinang (195), Sabah (193), Melaka (167) dan Kelantan (165).

"Hanya dua negeri mencatat pertambahan kes baharu satu angka, iaitu Putrajaya dengan tujuh kes dan dua kes di Perlis. Sehingga kini, sejumlah 62,027 kes aktif dengan kebolehtangkitan COVID-19 di negara ini.

"Daripada jumlah itu, 875 kes

dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 445 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebanyak 77 kes kematian dilaporkan membabitkan pesakit berusia 29 hingga 88 tahun, termasuk tujuh warga asing dengan 32 kes di Selangor, Negeri Sembilan (12), Johor (8), Sarawak (7), Kuala Lumpur (5), Melaka (4), Sabah (3), Labuan (3), Pahang (1) Perlis dan Terengganu (1).

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 21 kluster baharu dikesan membabitkan 13 di tempat kerja, lima dalam kalangan komuniti dan masing-masing satu di pusat pengajian tinggi, kumpulan berisiko tinggi serta pusat tahanan.

Kluster di tempat kerja membabitkan sektor perkhidmatan dan syarikat perkhidmatan serta ada antara kes indeks daripada pekerja warga asing, termasuk Kluster Jalan Persiaran Enam, Kluster Industri SS Lapan Sungai Way, Kluster Tapak Bina Laluan Klang dan Kluster Jalan

Permata 22.

Kluster Industri Kampung Bukit Ampang, Kluster Jalan Kebun Baru, Kluster Taman Pusat Kepong, Kluster Jalan Kepong Usaha, Kluster Jalan Tasik Selatan, Kluster Jalan Sri Hartamas, Kluster Industri Jalan Teknologi Lima Nilai, Kluster Industri Jalan Senawang Empat serta Kluster Jalan Maju Lima.

Bagi kluster dalam kalangan komuniti, Dr Noor Hisham berkata, ia dinamakan Kluster Kampung Bukit Tanah, Kluster Kubang Hakim,

Kluster Kampung Pulau Tukang Dollah, Kluster Lunyim dan Kluster Sungai Long Seripa.

Kluster pendidikan tinggi adalah Kluster Dah Perdana Tinggi, Kluster Tembok Ulu Teris (pusat tahanan) dan Kluster Jalan Laksamana Cheng Ho (kumpulan berisiko tinggi).

Beliau memaklumkan, sehingga jam 12 tengah hari semalam, sejumlah 5,557 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih di negara ini sebanyak 639,181 kes.



Dr Noor Hisham



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

## 4,743 kes baharu Covid-19 direkodkan

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 kembali meningkat berbanding kelmarin apabila mencatatkan 4,743 kes semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes adalah 705,762 dan membabitkan 62,027 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, dua kes import dilaporkan manakala 4,741 kes membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi sebanyak 1,566 kes diikuti Kuala Lumpur (635 kes) dan Negeri Sembilan (585 kes).

"Terdapat 875 kes positif Covid-19 sedang dirawat di

unit rawatan rapi dengan 445 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 5,557 kes dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 639,181 kes atau 90.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat 77 kematian dilaporkan membabitkan 70 warga tempatan serta tujuh warga asing berusia antara 25 hingga 91 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik.

"Kes-kes itu menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 4,554 kes atau 0.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

## Jumlah divaksin meningkat

**Kota Bharu:** Peningkatan jumlah individu yang divaksin di Kelantan disebabkan kejayaan Program Outreach Vaksinasi Covid-19 yang dijalankan oleh Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) Kelantan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata, program *outreach* yang dijalankan di kawasan perkampungan termasuk di pedalaman mendapat sambutan yang menggalakkan.

Katanya, ramai penduduk di kampung mula sedar apabila tampil berdaftar mengambil suntikan vaksin

menerusi program itu.

"Selain itu, jumlah suntikan vaksin Covid-19 yang meningkat juga kerana disebabkan kesedaran masyarakat yang berdaftar di aplikasi MySejahtera.

"Sehingga semalam (kelmarin), 275,220 dos yang sudah divaksin membabitkan 191,938 bagi dos pertama dan 83,282 dos kedua.

"Kita menjangkakan jumlah mereka yang akan divaksinasi akan terus meningkat. Kita akan meneruskan program *outreach* di kawasan kampung," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19

## Kenyataan KKM berkaitan ambulans disalah tafsir

**Putrajaya:** Laporan berita berhubung pembelian 500 unit ambulans *Negative Pressure Ambulance* atau ambulans tekanan negatif oleh Kementerian Kesihatan (KKM) disalah tafsir pihak tertentu.

Ketua Setiausaha KKM, Datuk Mohd Shafiq Abdullah berkata, apa disampaikan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba dalam sidang medianya Sabtu lalu, tidak menyebut bahawa semua 500 ambulans dibeli itu bercirikan tekanan negatif.

"Laporan berita itu disalah tafsir. Sebenarnya Menteri Kesihatan (Datuk Seri Dr Adham Baba) menyatakan dalam sidang media bahawa KKM akan memulakan tender 500 ambulans ini dan bagi ambulans lain kita akan gunakan sistem 'leasing' (pajakan) mengikut zon supaya isu logistik pesakit Covid-19 dapat diatasi.



**Dalam kenyataan berkenaan tidak sebut kesemua 500 ambulans itu bercirikan Negative Pressure Ambulance sebagaimana disalah tafsir pihak tertentu"**

**Mohd Shafiq**

"Dalam kenyataan berkenaan tidak sebut kesemua 500 ambulans itu bercirikan *Negative Pressure Ambulance* sebagaimana disalah tafsir pihak tertentu.

"KKM melihat keperluan ciri-ciri *Negative Pressure Ambulance* ini untuk melawan pandemik Covid-19 pada masa ini dan di masa hadapan. Ciri-ciri ambulans itu mempunyai sistem tekanan ne-

gatif, penapisan HEPA dan lampu UV khusus untuk kes penyakit berjangkit terutamanya jenis penyakit bawaan udara," katanya, semalam.

Tambah Mohd Shafiq, pada 17 Jun lalu, KKM turut mengiklankan tawaran tender untuk perolehan 490 jenis ambulans bersama kelengkapan peralatan perubatan bagi kegunaan hospital dan klinik di seluruh negara.

Sebelum ini, bekas Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dilaporkan mempersoal kepentingan pembelian unit kenderaan itu terutamanya ketika pelaksanaan darurat ketika ini.

Katanya, pembelian ambulans berkenaan menelan kos yang tinggi iaitu mencecah RM300 juta sedangkan keutamaan pada ketika ini adalah untuk memikirkan cara menurunkan angka kematian akibat Covid-19.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : COVID-19

## Lebih enam juta dos vaksin sudah diberi

**Kuala Lumpur:** Jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin Covid-19 di negara ini setakat kelmarin sudah melebihi enam juta dos.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata setakat semalam, seramai 4,384,441 sudah menerima dos pertama manakala 1,666,757 individu melengkapkan dos kedua, menjadikan keseluruhan pemberian kedua-dua dos berjumlah 6,051,198.

Menerusi perkongsian di Twitter, beliau memaklumkan lima negeri yang men-

catatkan penerimaan kedua-dua dos tertinggi ialah Selangor dengan 216,386 diikuti Sarawak (188,289), Johor (176,080), Perak (154,422) dan Kuala Lumpur (145,906).

Mengenai vaksinasi harian bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Dr Adham berkata sebanyak 235,623 dos diberikan kelmarin, tertinggi sejak ia dimulakan pada 24 Februari lalu.

Katanya daripada jumlah itu, 181,840 merupakan penerima suntikan dos pertama manakala 53,783 lagi dos kedua. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : COVID-19

# Sudah boleh keluarkan **sijil**

*Graduan perubatan terima Sijil Pendaftaran Sementara selepas ditangguh sementara waktu*

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
am@hmetro.com.my

## Putrajaya

**S**ijil Pendaftaran Sementara boleh dikeluarkan kepada graduan perubatan yang sebelum ini ditangguhkan penempatan latihan siswazah untuk sementara waktu, biarpun sudah menerima Surat Layak Daftar oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, penangguhan itu sebelum ini dibuat selaras dengan penjelasan MPM supaya tawaran pelantikan dan penempatan latihan siswazah ditangguhkan sementara waktu bagi memberi ruang kepada pihak itu menyelesaikan isu keperluan pewartaan semula nama kelayakan dan nama universiti yang didapati berbeza mengikut Jadual Kedua Akta

Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) sememangnya mengambil perhatian serius berhubung perkara itu.

"Jumlah universiti yang terbahit adalah 36 dan isu ini menjejaskan sejumlah 267 graduan perubatan yang sudah mendaftar dan melepasi tapisan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

"Perbezaan ini menyebabkan MPM tidak dapat mengeluarkan Sijil Pendaftaran Sementara hingga perkara ini diselesaikan," katanya semalam.

Sehubungan itu, Dr Adham berkata, satu notifikasi e-mel kepada graduan perubatan terbahit kelmarin bagi membolehkan mereka mendaftar dalam sistem e-Housemen dan seterusnya membuat pemilihan penempatan latihan siswazah.

Pada masa sama, Dr Adham meminta mana-mana graduan daripada sejumlah 267 graduan perubatan terkesan daripada perkara itu yang belum menerima notifikasi e-mel, untuk memaklumkan segera kepada urus setia menerusi rayuanho@moh.gov.my untuk dibantu sewajarnya.

MPM dalam satu kenyataan media pada 18 Jun lalu, memaklumkan pihaknya mengesan beberapa institusi dari dalam dan luar negara mempunyai perbezaan pada nama kelayakan atau nama institusi pada skrol ijazah asas perubatan daripada yang diwartakan dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

Berdasarkan dapatan itu, MPM memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan surat layak daftar dan Sijil Pendaftaran Sementara kepada graduan daripada institusi terbahit.



**Bilangan universiti yang terbahit adalah 36 dan isu ini menjejaskan sejumlah 267 graduan perubatan yang sudah mendaftar dan melepasi tapisan SPA"**

**Dr Adham**

Isu berkenaan sebelum itu diutarakan seorang graduan perubatan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dalam satu hantaran melalui Facebook yang mengeluh apabila namanya dan rakan lain tiada dalam senarai nama di laman sesawang MPM biarpun sudah dipanggil melaporkan diri sebagai Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

## 267 graduan perubatan boleh pilih penempatan mulai Selasa

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan satu notifikasi menerusi e-mel kepada 267 graduan perubatan pada Isnin bagi membolehkan mereka mendaftar dalam sistem e-Houseman.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, graduan perubatan yang sebelum ini menghadapi isu berhubung penangguhan penempatan latihan siswazah kini boleh membuat pemilihan penempatan pada Selasa.

"Dalam hal ini, mana-mana daripada 267 orang graduan perubatan terbabit yang belum menerima notifikasi e-mel, bolehlah memaklumkan segera kepada urus setia menerusi alamat e-mel

[rayuanho@moh.gov.my](mailto:rayuanho@moh.gov.my) untuk dibantu dengan sewajarnya," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) sebelum ini mengesan beberapa institusi dari dalam dan luar negara mempunyai perbezaan pada nama kelayakan atau nama institusi pada skrol ijazah asas perubatan daripada yang diwartakan dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012). Berdasarkan dapatan itu, MPM



DR ADHAM

memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan surat layak daftar dan Sijil Pendaftaran Sementara kepada graduan daripada institusi terbabit.

MPM dilaporkan berkata, tujuan pengesanan dan penangguhan ini dilaksanakan agar tidak berlaku isu berbangkit pada masa akan datang sekiranya pengamal perubatan ingin

memohon pendaftaran dengan MPM, contohnya permohonan Pendaftaran Penuh dan Pendaftaran Pakar.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

## Bukan semua ada ciri tekanan negatif

Pembelian 500 ambulans tekanan negatif oleh KKM disalah tafsir pihak tertentu

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN

SHAH ALAM

Laporan mendakwa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat pembelian 500 unit ambulans tekanan negatif disalah tafsir oleh pihak tertentu.

Ketua Setiausaha KKM, Datuk Mohd Shafiq Abdullah berkata, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba tidak menyebut kesemua 500 ambulans itu bercirikan tekanan negatif.

"Sebenarnya Adham menyatakan kita akan

mulakan tender 500 ambulans dan bagi ambulans lain kita akan gunakan sistem *leasing* mengikut zon agar isu logistik pesakit Covid-19 di mana-mana jua dapat diatasi," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mempersoalkan langkah pembelian 500 buah ambulans tekanan negatif yang menelan belanja RM300 juta dalam tempoh darurat.

Menurutnya, ketika ini perkara yang menjadi keutamaan adalah memikirkan cara menurunkan angka kematian akibat Covid-19, bukan pembelian jentera berkenaan.

Mengulas lanjut, Mohd Shafiq berkata, KKM melihat keperluan ciri-ciri ambulans tekanan negatif tersebut untuk melawan pandemik Covid-19 pada masa se-



MOHD SHAFIQ

karang dan akan datang.

"Ciri-ciri ambulans tekanan negatif ini mempunyai sistem tekanan negatif, penapisan HEPA dan lampu UV khusus untuk kes penyakit berjangkit terutama jenis penyakit bawaan udara," katanya.

Tambah beliau, pada 17 Jun, KKM mengiklankan tawaran tender untuk perolehan 490 jenis ambulans bersama kelengkapan peralatan perubatan untuk kegunaan hospital dan klinik di seluruh negara.



Laporan Sinar Ahad.

MENDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
 APA TINDAKAN  
**KITA?**



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kes baharu kekal bawah 5,000

Sebanyak 4,743 kes direkodkan pada Selasa menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 ialah 705,762

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

PUTRAJAYA



**K**es baharu Covid-19 kembali meningkat, namun kekal di bawah paras 5,000 apabila sebanyak 4,743 kes direkodkan pada Selasa selepas tiga hari mencatatkan penurunan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 ialah 705,762 kes.

Menurutnya, Selangor kekal merekodkan kes tertinggi harian sebanyak 1,566 diikuti Kuala Lumpur (635), Negeri Sembilan (585), Sarawak (507), Johor (239), Pulau Pinang (195), Sabah (193), Melaka (167), Kelantan (165), Kedah (142), Pahang (131) dan Labuan (104).

“Tiga negeri kekal di bawah angka 100 adalah Terengganu (37), Putrajaya (tujuh) dan Perlis (dua),” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 5,557 kes sembuh daripada Covid-19 yang bersamaan dengan 90.57 peratus sekali gus menjadikan jumlah kumulatifnya 639,181 kes.

Katanya, sebanyak 875 kes jangkitan memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) manakala 445 me-

merlukan bantuan alat pernafasan.

“Sebanyak 77 kematian dicatatkan pada Selasa melibatkan 70 warganegara dan tujuh bukan warganegara. Kes kematian ini melibatkan 32 kes di Selangor, Negeri Sembilan (12), Johor (lapan), Sarawak (tujuh), Kuala Lumpur (lima) dan Melaka (empat).

“Masing-masing tiga kes di Sabah dan Labuan serta masing-masing satu kes di Pahang, Perlis dan Terengganu,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebanyak 21 kluster baharu Covid-19 telah dikenal pasti sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya 2,666 kluster.



“21 kluster tersebut membabitkan 13 kluster tempat kerja, komuniti (lima), pusat tahanan (satu), pendidikan tinggi (satu) dan kumpulan berisiko tinggi (satu).

“Jumlah kluster yang telah tamat adalah 1,816 kluster manakala 850 masih lagi aktif,” katanya.




DR NOOR HISHAM

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIPULIH
705,762	639,181	875	4,554	+4,743	6,051,198



KES BAHARU DALAM SEMINGGU	
22 Jun	4,743 kes
21 Jun	4,611 kes
20 Jun	5,293 kes
19 Jun	5,911 kes
18 Jun	6,440 kes
17 Jun	5,738 kes
16 Jun	5,150 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 701,019 kes kepada 705,762 kes



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Kluster kilang penyumbang utama kes Covid-19

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
[maisarah.rahim@mediamulia.com.my](mailto:maisarah.rahim@mediamulia.com.my)

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 719 kluster kilang dikesan sejak penularan pandemik Covid-19 di negara ini yang mengakibatkan 102,269 kes jangkitan positif sehingga semalam.

Daripada keseluruhan kluster pengilangan yang direkodkan itu, ada di antaranya merekodkan 100 peratus pekerja dijangkiti daripada jumlah disaring.

Lebih membimbangkan kluster pengilangan merupakan tertinggi dalam kluster tempat kerja.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, kerajaan perlu bertindak tegas memastikan kilang yang terlibat secara langsung dengan keperluan makanan sahaja dibenarkan beroperasi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

## PM: Segerakan bekalan vaksin

Dari muka 1

“Saya sudah arahkan menteri bertanggungjawab meminta pembekal menghantar vaksin dengan segera. Jika pengilang keluarkan lebih banyak vaksin, kerajaan harap bekalan vaksin lebih banyak akan dihantar ke negara ini dengan lebih cepat,” katanya selepas meninjau operasi PPV Dewan Muafakat Johor Bukit Gambir, di sini, semalam.

Kelmarin, Khairy menyalahkan negara-negara Kesatuan Eropah (EU) sebagai punca kelewatan bekalan vaksin ke negara ini, menyebabkan Malaysia ketinggalan berbanding negara lain.

Negara-negara EU, katanya, berunding dengan pembekal vaksin Covid-19 bagi membolehkan mereka membuat pembelian pukal, apatah lagi kilang vaksin semuanya terletak di Eropah.

Bagaimanapun semalam Duta EU ke Malaysia, Michalis Rokas menyangkal keras dakwaan Khairy kononnya blok itu membolot vaksin dan menyifatkan tohmahan itu tidak berasas sebaliknya apa yang berlaku membuktikan EU amat prihatin dalam isu itu.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) yang dipengerusikan secara bersama oleh Khairy dan Dr. Adham ditubuhkan untuk memastikan akses bekalan kepada vaksin Covid-19 untuk negara dapat diperolehi dengan kadar segera, selamat, sempurna dan berkesan.

JKJAV juga memainkan peranan penting sebagai Jawatankuasa Induk dalam



DR. ADHAM BABA

merancang, melaksana dan memantau keseluruhan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Setakat 20 Jun, sebanyak 5.8 juta dos vaksin telah diberikan kepada penerima yang berdaftar di bawah MySejahtera.

Sementara itu, kata Muhyiddin, kerajaan masih mempunyai beberapa hari untuk memutuskan peralihan Pelan Pemulihan Negara ke fasa seterusnya boleh dilakukan atau sebaliknya berdasarkan beberapa faktor termasuk situasi semasa Covid-19 dalam negara serta intervensi yang bersesuaian.

Beliau menjelaskan, situasi sebenar sentiasa berubah-ubah meskipun kerajaan telah menentukan sasaran seperti tarikh, tempoh, kadar dan jumlah kes serta proses vaksinasi serta kapasiti penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU).

“Kita ada beberapa hari lagi. Ya, kalau sekiranya kadar (kes positif) boleh turun lagi, bermakna ikut jadual yang kita harapkan, maka kita akan beralih ke fasa kedua.

“Jadi disebabkan itu, kita ti-



KHAIRY JAMALUDDIN

tidak akan buat pengumuman sekarang. Biasanya kita akan bagi ruang dua tiga hari lagi, sama ada kita nak sambung atau kita akan beralih (ke fasa seterusnya),” katanya.

Beliau mengulas langkah kerajaan mengenai perancangan untuk beralih ke fasa seterusnya memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang tamat pada 28 Jun ini hanya tinggal beberapa hari dengan kadar kes masih melebihi 4,000 kes.

“Perkara itu (Pelan Pemulihan Negara) kita panggil nilai ambang atau *threshold*, tetapi kita kena faham keadaan boleh berubah-ubah, sebab itu kita boleh buat sedikit ubah suai.

“(Maka) ini nanti akan diputuskan pada sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang saya pengerusikan untuk nilai keadaan,” kata Muhyiddin.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga sentiasa memantau perkembangan semasa menerusi Kementerian Kesihatan dan seluruh sistem yang ada bagi memastikan kaedah intervensi yang boleh dilakukan.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : STORY OF THE DAY / NEWS

# €1.7M TO BEEF UP PANDEMIC RESPONSE

Regional bloc will work with WHO to carry out initiatives under 3-year programme

ADIB POVERA  
 KUALA LUMPUR  
 news@nst.com.my

**T**HE European Union (EU) yesterday said it is providing €1.724 million under a three-year programme with the World Health Organisation (WHO) to support Malaysia's Covid-19 and future pandemics preparedness. The allocation is part of €20 million in programmes the regional bloc is channelling to Southeast Asia for pandemic re-

sponse and preparedness. Seven other countries involved are Cambodia, Indonesia, Laos, Myanmar, the Philippines, Thailand and Vietnam.

The programme in Malaysia will focus on multi-source surveillance and testing strategies, subnational analysis and risk assessment, risk communication and community engagement, support for the Covid-19 National Immunisation Programme and strengthening health services.

Speaking at the online launch of the EU-Southeast Asia Health Pandemic Response and Preparedness Programme in Malaysia, Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said the programme was "timely and most significant in a time of crisis".

Dr Adham said the pandemic had underlined the importance of international cooperation.

"It (the programme) enables us to forge alliances, promote multilateralism and to share common interests and values to strengthen both regions' preparedness for and capacity to respond to current and future public health emergencies.

"We are most grateful to the EU-Asean for your monetary contribution and generosity that will spearhead this project.

"It will most definitely benefit the collaborative works of the Health Ministry in Malaysia with our partners from other ministries, and non-governmental organisations," said Dr Adham.

He was joined by EU ambassador Michalis Rokas and WHO representative to Malaysia,

Brunei and Singapore Dr Lo Ying-Ru Jacqueline.

Dr Adham said the ministry was looking forward to cooperating with the EU and WHO to strengthen emergency preparedness and health systems, with a focus on Covid-19 management and response.

"Ultimately, we are all fighting against the same enemy and with solidarity and good regional cooperation, we will win this battle," he said.

Earlier, Rokas said the programme would be implemented by the WHO and that it would benefit Malaysians.

"This joint intervention will enhance Malaysia's surveillance and testing system, support time-

ly and transparent communication about the pandemic, promote the vaccine rollout and strengthen essential health services.

"The pandemic continues to impact us and our partners across the globe.

"As such, the EU alongside the WHO remain committed to work closely with the Ministry of Health in Malaysia and other partners to control and suppress the Covid-19 transmission in Malaysia," he said.

Dr Lo said efforts under the programme would be "inclusive and proactive", and tailored with the Health Ministry to ensure the needs of the country were met.

"The programme also reinforces regional collaboration among Asean countries as cross-border cooperation is key to an informed response for this emergency or the next one," she said.



Datuk Seri Dr Adham Baba

## DIP IN CASES CONTINUES

# Fewer than 5,000 cases for second day in a row

**KUALA LUMPUR:** Malaysia recorded fewer than 5,000 Covid-19 cases for the second day yesterday.

The 4,743 cases brought the national tally to 705,762, with 62,027 people still being treated, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah in a statement.

He said 4,741 were local cases involving 3,843 Malaysians and 898 foreigners, while the remainder were imported cases involving a local and a foreigner.

Dr Noor Hisham said Selangor was the state with the most cases, at 1,566, followed by Kuala Lumpur (635), Negri Sembilan (585) and Sarawak (507).

Other states with three-digit cases are Johor with 239, followed by Penang (195), Sabah (193), Melaka (167); Kelantan (165); Kedah (142), Pahang (131) and Labuan (104).

Dr Noor Hisham said Perak (68) and Terengganu (37) recorded two-digit cases, while Putrajaya and Perlis registered seven and two cases respectively.

Dr Noor Hisham said 77 deaths were recorded yesterday, bringing the death toll to 4,554.

"Seventy victims were Malaysians and seven foreigners. Selangor recorded the highest number of fatalities at 32, followed by Negri Sembilan (12), Johor (eight), Sarawak (seven), Kuala Lumpur (five), and Melaka (four).

"Sabah and Labuan recorded three deaths each, while Pahang, Perlis and Terengganu registered one death each."

Dr Noor Hisham said the youngest victim was a 25-year-old Malaysian woman with no known medical issues. She died at Hospital Sultanah Nora Ismail in Batu Pahat, Johor.

The oldest victim was a 91-year-old local woman with diabetes, heart problems and high blood pressure. She died at Shah Alam Hospital in Selangor.

He said the number of patients in intensive care yesterday dropped to 875 from 880 the previous day. Of these, 445 are on ventilator support.

The number of people who recovered yesterday was 5,557, continuing a trend of discharges exceeding new cases since June 7. The number of recoveries is now 639,181.



Health workers making a vaccination house call at Kampung Panchor in Negri Sembilan. PIC BY AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

Dr Noor Hisham said 21 new Covid-19 clusters were identified yesterday in Selangor, Johor, Kuala Lumpur, Negri Sembilan, Melaka, Sarawak, Kelantan and Kedah.

He said 13 were workplace clusters, five were community spread, and one cluster each involving a high-risk group, detention centre and a higher education institution.

The largest workplace cluster was Industri SS Lapan Sungai Way with 97 cases. This cluster spans Kuala Selangor, Gombak, Hulu Langat, Klang and Petaling districts in Selangor.

It was detected following the

targeted screening of workers at a factory in SS8/4, Kawasan Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya, where 1,058 people have been screened so far.

The community cluster with the most cases was Kampung Pulau Tukang Dollah in Kota Baru, Kelantan, where 41 out of 63 people screened were positive up to yesterday.

The Jalan Laksamana Cheng Ho high-risk cluster in central Melaka involved staff and residents of an elderly care centre.

The index case was a local man, 65, who tested positive after he was admitted to hospital.

Dr Noor Hisham said the higher

education cluster, called Dah Perdana Tinggi, involved students at an institution in Lebuhraya Perdana, Taman Teknologi Tinggi Kulim in Kedah.

"The index case is a 20-year-old Malaysian man who tested positive on June 18 following a screening for persons with Covid-19 symptoms. He started displaying symptoms on June 13."

Dr Noor Hisham said the Tembok Ulu Teris cluster involved a detention centre in Sepang, Selangor, and recorded 16 cases.

"The cluster was identified after screening of staff and inmates at a detention centre in Kampung Ulu Teris, Sungai Pelek," he said.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19 Current situation				Malaysia: New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered	VACCINATED IN MALAYSIA As at 11:59pm June 21 <small>(Daily figures in brackets)</small>					TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED	FIRST DOSE TOTAL	SECOND DOSE TOTAL
				4,743	705,762	4,554(+77)	639,181(+5,557)						6,051,198 (235,623)	4,384,441 (181,840)	1,666,757 (53,783)
+2	+142	+195	+68	+1,566	+165	+37	+131	+585	+167	+239	+193	+507	+635	+7	+104

## Wee hails HKL staff as unsung heroes

**PETALING JAYA:** The medical staff at Hospital Kuala Lumpur who treated the victims of the LRT train mishap are "unsung heroes", says Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

The Transport Minister applauded their contributions following the discharge of the last of four severely injured victims of the LRT train collision.

He said the victim, a 31-year-old woman, was allowed to return home from Hospital Kuala Lumpur on Monday night.

"She is the last patient whom Hospital Kuala Lumpur allowed to return home, and she will continue

her rehabilitation, check-ups and follow-ups that have been arranged by the medical specialists in the hospital," he added.

Over the past two days, he had called up the families of the four passengers who were severely injured in the train collision that happened on May 24.

He said last Thursday, a 52-year-old man who was also severely injured in the incident was allowed to return home, and is also receiving rehabilitative treatment.

"Both victims suffered severe head injuries and they were saved by the medical and surgical staff at

Hospital Kuala Lumpur," he said in a Facebook post yesterday.

Dr Wee said he had also spoken to the family of the 26-year-old woman recuperating at her home in Parit Buntar, Perak.

Another female patient, he added, who had been transferred from Hospital Kuala Lumpur to a private medical facility in Damansara for jaw surgery, was also recovering at home and undergoing physiotherapy.

"May all the patients make a full recovery as soon as possible," he said.

Dr Wee highlighted the contribu-

tions by medical staff at the Hospital Kuala Lumpur who had worked tirelessly to treat the patients.

He said the family members of the two victims who suffered head injuries expressed their immeasurable appreciation to Dr Azmi Alias, the neurosurgery head of department in the hospital, and his team.

"I, too, wish to express a thousand thanks to the 'unsung heroes' from Hospital Kuala Lumpur led by Dr Azmi for saving and treating the wounded victims.

"No words can I say except 'thank you'. Only God can repay your good deed," he said.

**Over six million doses of vaccine administered as at June 21**

**KUALA LUMPUR:** Over six million doses of Covid-19 vaccine have been administered in the country as at June 21, says Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said that as of Monday, a total of 4,384,441 individuals had received the first dose and 1,666,757 had completed the second dose, bringing the total doses administered to 6,051,198.

Dr Adham, via a tweet, said that the five states recording the highest number of recipients receiving two doses were Selangor with 216,386 people, followed by Sarawak (188,289), Johor (176,080), Perak (154,422) and Kuala Lumpur (145,906).

On the daily vaccinations under the National Covid-19 Immunisation Programme, he added that a total of 235,623 doses were administered yesterday - the highest since vaccination started on Feb 24.

He said of the total, 181,840 were recipients of the first dose of the vaccine while another 53,783 recipients received the second dose. — Bernama

# 150,000 tests daily is ideal

## Health DG: We hope testing rate can meet WHO benchmark

By **JOSEPH KAOS Jr**  
jokekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia should ideally be conducting 150,000 Covid-19 tests a day, says the Health director-general.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the current testing rate, which is about 80,000 a day on average, needs to be scaled up.

"The World Health Organisation (WHO) recommends that for each case, there should be 10 to 30 tests conducted.

"We hope the total Covid-19 tests conducted by our public and private labs can be increased to meet the benchmark of 30 tests for every single positive case," Dr Noor Hisham said when contacted yesterday.

With Malaysia's cases now hovering at around 5,000 daily, 30 tests per single case would equate to about 150,000 tests every day.

"That would be the best. Minimal would be 50,000 tests, the mean would be 100,000," he said.

Based on Health Ministry statistics, Malaysia conducted 561,156

Covid-19 tests for epidemiology week 24 (June 13-19).

That comes to an average of 80,165 tests a day over the week.

With 38,911 positive cases recorded in "epid week 24", the country's positivity rate is at 6.93%, higher than the recommended WHO range of 5%.

Negri Sembilan, Selangor and Labuan recorded a higher than 10% positivity rate in that period.

To boost testing, Dr Noor Hisham said private labs can do their part.

He added that tests using Antigen

Rapid Test Kits (RTK-Ag) are low and should be "scaled up".

"Our public and private labs have the capability. We have advised all states, employers and non-government organisations to help scale up testing.

"They can engage with the 31 private labs and 13 university labs that can do this," he said.

Earlier yesterday, Opposition leader Datuk Seri Anwar Ibrahim had questioned the government over the low number of Covid-19 tests.